

P. Pinang kini bandar raya sepenuhnya

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ BUTTERWORTH 16 SEPT.

PULAU Pinang menjadi negeri pertama berstatus bandar raya sepenuhnya selepas kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini dinaik taraf sebagai bandar raya.

Sejarah itu tercatat hari ini selepas Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diisytiharkan secara rasmi sebagai Majlis Bandar Raya Seberang Perai (MBSP) oleh Yang Dipertuan Negeri Tun Abdul Rahman Abbas.

Penyerahan Suratcara Pengisytiharan dalam Majlis Pengisytiharan MBSP dan Penyerahan

Watikah Pelantikan Datuk Bandar itu dilakukan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Yang Dipertua MPSP, Datuk Rozali Mohamad turut mengangkat sumpah sebagai Datuk Bandar MBSP yang pertama selepas diumumkan oleh Ketua Menteri Chow Kon Yeow.

MBSP yang meliputi tiga daerah iaitu Seberang Perai Utara; Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan dan berkeluasan 738.41 kilometer persegi dengan 1.085 juta penduduk merupakan PBT ke-15 berstatus bandar raya.

Sebelum ini Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang meliputi bahagian pulau telah dinaik taraf menjadi Majlis Bandar Raya

Pulau Pinang (MBPP) pada 2015.

Sementara itu, Zuraida berharap projek pembangunan di negeri ini yang kini lebih tertumpu di bahagian pulau dapat dipindahkan ke bahagian Seberang Perai ekoran penakhtarafan daerah tersebut sebagai bandar raya.

Dalam pada itu, Rozali berkata, pihaknya akan mengumumkan sebanyak 18 program dan enam garis panduan baharu esok sempena penakhtarafan tersebut.

"Saya pasti insentif atau program ini akan menepati kehendak rakyat kerana merupakan hasil sesi perbincangan dengan rakyat.

"Rakyat akan meminatinya kerana ini satu perubahan yang besar," katanya.



ABDUL RAHMAN ABBAS mengalungkan pingat gelaran Datuk Bandar kepada Rozali Mohamad dalam majlis pengisytiharan Majlis Bandar Raya Seberang Perai di Pulau Pinang semalam. - BERNAMA